



MAIPK

PERCUMA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK



Ramadhan Bulan Transformasi Jiwa



SIJIL BERSIH
Daripada Ketua Audit Negara



Kembara Zakat

DARI MEJA KETUA EDITOR

Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera

Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya untuk Allah SWT. Salam dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW., penghulu segala nabi, keluarga baginda, para sahabat serta seluruh muslimin dan muslimat yang telah pergi dan yang masih hidup. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Ilahi kerana kita dapat menyempurnakan ibadah puasa dalam suasana yang selesa serta mendapat rahmat dan kasih sayang-Nya.

Umat Islam akan menyambut Hari Raya 'Aidilfitri 1433H tidak lama lagi. Kedatangan satu Syawal merupakan titik kembalinya umat Islam kepada fitrah. Umat Islam menekuni bulan Ramadhan sebagai bulan tarbiah, bulan maghfirah serta bulan tajdid bagi membina dan membentuk diri ke arah kecemerlangan dunia dan akhirat. Oleh itu, apabila bulan Ramadhan berlalu meninggalkan kita, marilah kita sama-sama meneruskan ibadah dan mujahadah yang dilakukan pada bulan Ramadhan. Tidak dilupakan juga umat Islam khususnya di Negeri Perak yang mempunyai kemampuan kewangan untuk menyempurnakan kewajipan zakat fitrah.

Pada keluaran kali ini, buletin Wadah MAIPK berkongsi dengan pembaca tentang peristiwa dan aktiviti yang berlaku antara bulan Mei sehingga Ogos 2012. Semoga penerbitan buletin ini dapat memberikan informasi terkini kepada para pembaca.

Sekian, terima kasih.

WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ BIN MOHD AMIN

SIDANG REDAKSI

Penasihat:
Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin b. Syed Ikhsan

Editor :
En. Wan Abdul Halim Hafiidz b. Mohd Amin

Pen. Editor :
Cik Fatin Amira binti Azman

Editor Bersekutu :
Bahagian Zakat
Bahagian Hartanah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Kewangan

Jurufoto :
En. Aizat b. Sabri
En. Mohd Sharizal bin Mat Sah

Edaran :
Unit Perhubungan Korporat

Diterbitkan oleh:
Unit Perhubungan Korporat
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan
30000 Ipoh, Perak.
Tel: 05-2084000
Faks: 05-2414257

Laman web :
www.maiamp.gov.my

Emel :
korporat@maiamp.gov.my

© Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Wadah MAIPK. Sidang Editor mengalu-alukan sebarang artikel dan penulisan yang bermanfaat. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya.

Kandungan

SEMASA 3-5

EKSKLUSIF 6-7

BERITA SANA SINI 8-9

SEMASA 10

FOKUS 11

SEMASA 12

INFO AGIHAN 13

SEMASA 14-15

RAMADHAN

BULAN TRANSFORMASI JIWA

Ipoh - Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah bertitah bahawa, dunia pada hari ini sedang dilanda masalah kekurangan bahan makanan. Masalah ini dapat dilihat apabila hampir 1 bilion penduduk dunia masih terperangkap dalam belunggu kebuluran. Masalah kekurangan bahan makanan akan berterusan apabila kelemahan berlaku terhadap aspek pembahagian dan agihan bahan makanan.

“Senario-senario yang berlaku di serata dunia ini hendaklah meningkatkan rasa insaf kita untuk lebih menghayati nikmat kerana telah dikurniakan makanan yang cukup malah berlebihan dari keperluan diri. Meskipun kita diwajibkan berpuasa di siang hari, tetapi di bulan Ramadhan ini, kemewahan makanan terhidang dalam beraneka rupa dan beraneka rasa. Di samping restoran dan warung sedia ada, Pasar-pasar Ramadhan tumbuh bagai cendawan di serata tempat. Di samping menu dan juadah berharga mahal yang sedia ada, hotel-hotel ternama turut menganjurkan juadah berbuka puasa berharga tinggi dengan hidangan yang melimpah ruah, laksana berlakunya pesta menjamu selera yang ada kalanya diselang seli dengan hiburan.” Titah Baginda semasa Persidangan Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu kali ke-180 di Dewan Persidangan, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 07 Ogos 2012.

Titah Baginda lagi, “Tanpa garis panduan yang betul, dikhawatirkan roh Ramadhan dan semangat Syawal mungkin sedikit demi sedikit semakin tergelincir dari roh dan semangat murni lagi suci yang dilandaskan oleh Islam yang menegah amalan boros, menegah perbuatan membazir dan menegah budaya bermegah-megah. Islam menganjurkan kesederhanaan dalam segala perkara. Islam menganjurkan amal makruf tidak dilakukan secara bermusim tetapi dilakukan secara lestari dan berkesinambungan. Islam menegakkan aspek pengagihan rezeki secara adil lagi saksama yang wajib dilaksanakan sepanjang masa. Orang miskin dan anak yatim tidak memadai dihidangkan makanan mewah di hotel ternama



sehari dalam setahun, tetapi mereka memerlukan jaminan makanan secara konsisten setiap hari sepanjang masa.”

Sehubungan itu, Baginda bertitah supaya pengurusan ketidakadilan yang disebabkan oleh nafsu manusia, roh Ramadhan hendaklah dihayati sepenuhnya. Di samping menahan nafsu lapar dan dahaga di bulan Ramadhan, nafsu membazir hendaklah dikekang. Bulan Ramadhan menjadi tempoh umat Islam untuk bermuhasabah diri mengenai erti kemiskinan, derita kebuluran serta kesyukuran terhadap anugerah kesenangan dan nikmat kemewahan yang diterima. Implementasi terhadap anugerah kesenangan dan nikmat kemewahan hendaklah dengan membantu golongan fakir miskin, anak-anak yatim, orang-orang tua dan orang kurang upaya.

PNB SERAH CEK ZAKAT PERNIAGAAN



Kuala Lumpur – Pada 02 Julai 2012, Permodalan Nasional Berhad (PNB) menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM7.197 juta kepada Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPK) di Istana Changkat, Kuala Lumpur. Penyerahan zakat perniagaan tersebut meliputi tahun kewangan 2009, 2010 dan 2011. Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah mewakili MAIPK berkenan menerima cek zakat perniagaan Kumpulan PNB yang disampaikan oleh Pengerusi PNB, YABhg. Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid. Hadir sama menyaksikan penyerahan cek tersebut ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PNB, YABhg. Tan Sri Dato’ Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman, Ahli Dewan Negara Perak, YABhg. Dato’ Seri Mohd. Annuar bin Zaini, Penasihat kepada Menteri Besar Perak, YB. Kapt. (B) Datuk. Haji Najmuddin bin Haji Elias, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YBhg. Dato’ Abu Bakar bin Haji Said, Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, YBhg. Dato’ Haji Mohd. Yusop bin Haji Husin dan Timbalan Mufti Negeri Perak, YBrs. Tuan Haji Zamry bin Hashim.

Negeri Perak merupakan negeri pertama yang menerima zakat perniagaan PNB pada tahun ini. Pembayaran zakat oleh Kumpulan PNB ini dikira mengikut ‘haul’ dan ‘nisab’ yang sudah ditetapkan dan akan terus dilaksanakan ke negeri lain dari semasa ke semasa. Zakat perniagaan oleh Kumpulan PNB ini tidak meliputi agihan pendapatan untuk pemegang unit amanah yang melabur dalam tabung yang dikendalikan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Pihak Kumpulan PNB menasihatkan pemegang akaun agar melunaskan sendiri zakat bagi pelaburan dalam setiap unit amanah berkenaan.

MAIPK TERIMA SIJIL BERSIH

DARIPADA KETUA AUDIT NEGARA



Putrajaya – Pada 15 Ogos yang lalu, satu mesyuarat diadakan di antara pihak Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM) dengan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) di Pejabat Ketua Audit Negara Malaysia bagi membincangkan mengenai pengauditan yang dilakukan oleh Jabatan Audit Negara terhadap Penyata Kewangan MAIPK tahun 2011. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Ketua Audit Negara, YABhg. Tan Sri Ambrin bin Buang, Pengarah Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Perak, YABhg. Datin Seri Shamsiah bt. Hj. Daud, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan dan pegawai-pegawai kanan MAIPK.

Pengauditan yang dilakukan oleh JANM merangkumi pemeriksaan, analisa dan nilai yang berterusan dan sistematik ke atas penyata kewangan, rekod, operasi dan pentadbiran MAIPK bagi menentukan sama ada prinsip-prinsip am perakaunan, polisi-polisi pengurusan, peraturan dan prosedur dipatuhi. Pelbagai jabatan dan agensi di peringkat persekutuan dan negeri termasuk MAIPK perlu menyerahkan penyata kewangan kepada JANM sebelum atau pada 30 April 2012. Pihak MAIPK menghantar Penyata Kewangan MAIPK 2011 kepada JANM Cawangan Negeri Perak pada 27 April 2012.

Pertemuan tersebut membincangkan mengenai hasil pengauditan yang dijalankan oleh JANM. Hasilnya, pihak JANM menganugerahkan kepada pihak MAIPK Sijil Tanpa Teguran atau Sijil Bersih. Jenis sijil ini menunjukkan bahawa Penyata Kewangan MAIPK 2011 telah disediakan dan dipersembahkan mengikut piawai yang diterima pakai, diamalkan secara konsisten, seragam serta pendedahan yang mencukupi. Pihak MAIPK bersyukur ke hadrat lahi kerana dianugerahkan Sijil Tanpa Teguran Penyata Kewangan MAIPK 2011. Pihak MAIPK mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada pelbagai pihak di atas penganugerahan ini dan pada masa yang sama mengharapkan komitmen dan konsisten untuk meneruskan kejayaan ini.



Perhimpunan Bulanan Bil. 03/2012

Ipoh – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) menganjurkan Perhimpunan Bulanan Bilangan 03/2012 pada 22 Jun 2012 yang dihadiri oleh sebahagian besar pekhidmat MAIPK seluruh Negeri Perak. Program ini diadakan di Auditorium, Kompleks Islam Darul Ridzuan bermula jam 8.30 pagi. Antara pengisian yang dijalankan ialah nyanyian lagu Negaraku, bacaan ikrar yang diketuai oleh pekhidmat baru dilantik, penerangan mengenai berita semasa MAIPK disusuli dengan amanat daripada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan.

Dalam amanat yang disampaikan, beliau mengalu-alukan pelantikan pekhidmat MAIPK yang baru agar dapat bekerja dengan bersungguh dan berdedikasi. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada seluruh pekhidmat MAIPK kerana dengan kerjasama dan komitmen semua pihak, Penyata Kewangan 2011 dapat dihantar untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara Malaysia Cawangan Negeri Perak sebelum 30 April. Tindakan ini memberi persepsi dan imej positif kepada MAIPK. Beliau juga sentiasa menasihatkan pekhidmat-pekhidmat MAIPK agar sentiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan bersungguh-sungguh dan sempurna agar kehendak dan keperluan masyarakat dapat dipenuhi dengan sebaik-baiknya.

Majlis tersebut diakhiri dengan penyerahan cek zakat perniagaan Tenaga Nasional Berhad yang diwakili oleh Pengurus Besar Negeri Perak, Bahagian Pembahagian, Tuan Haji Wan Kamili bin Wan Ishak kepada MAIPK berjumlah RM609,017.39. Semoga usaha ini dicontohi oleh syarikat-syarikat korporat yang lain.



MAIPK MENYERTAI STATE WIDE APPROACH TRANSFORMATION

Ipoh – Pada 28 Jun yang lalu, satu majlis pelancaran bersama State Wide Approach Transformation (SWAT) atau Program Transformasi Negeri-Negeri Secara Menyeluruh telah diadakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Pelancaran bersama ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohamad Zabidi bin Zainal, Ketua Pengarah MAMPU dan YBhg. Dato' Haji Razali bin Othman, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Objektif pelaksanaan SWAT ialah untuk mentransformasikan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan pada agensi yang terlibat. Di samping itu, SWAT dilaksanakan untuk menjajarkan hala tuju dan strategi agensi dan jabatan di peringkat negeri ke arah pencapaian matlamat misi nasional dan Wawasan 2020. Dengan program SWAT ini juga, kajian pengurusan organisasi dapat dilaksanakan bagi mengenal pasti dan meneliti isu-isu yang mempengaruhi keberkesanan dan kecekapan dalam pengurusan organisasi. Pemantauan pelaksanaan dan pencapaian agenda program SWAT akan dilaksanakan secara seamless iaitu kerjasama MAMPU dengan agensi.

Program SWAT ini akan berakhir pada bulan Oktober 2012. Pihak MAIPK perlu menyediakan dokumen Pelan Perancangan Strategik, Pelan Pengurusan Risiko, Pelan Perancangan Strategik ICT serta peralatan sokongan pelaksanaan aplikasi Quick-Wins iaitu e-Survey dan e-Rating. Penyediaan dokumen serta peralatan sokongan ini penting bagi menjayakan objektif yang telah ditetapkan.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN TERPUJI BAGI TAHUN PENILAIAN 2011



Ipoh – Satu Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Terpuji bagi tahun penilaian 2011 telah diadakan pada 10 Mei 2012. Pada majlis tersebut, seramai 17 orang pekhidmat MAIPK menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 12 orang pekhidmat MAIPK menerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji. Di samping itu, dua orang di kalangan pekhidmat MAIPK menerima Hadiah Menunaikan Fardhu Haji pada tahun 2012.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhshan di dalam ucapannya memberi nasihat serta peringatan kepada para pekhidmat agar bekerja dalam satu pasukan. Budaya ini hendaklah diamalkan di setiap peringkat agar amanah dan tanggungjawab yang diberikan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan. Hasilnya masyarakat akan dapat menikmati perkhidmatan terbaik yang disediakan oleh MAIPK.

Di samping itu, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK mengucapkan tahniah dan syabas kepada para penerima anugerah perkhidmatan cemerlang dan terpuji agar terus menunjukkan komitmen yang terbaik dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Tindakan ini dapat merangsang keluarga, rakan sekerja dan MAIPK untuk sama-sama memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, manakala Anugerah Perkhidmatan Terpuji telah disampaikan oleh Pegawai Agama MAIPK, Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor. Turut hadir ke majlis ini ialah YA. Tuan Haji Rahim bin Haji Abdullah, Ahli Jawatankuasa Baitulmal. Pada majlis itu juga, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK melancarkan portal MAIPK yang baharu bagi menggantikan portal yang lama.

Kembara Zakat 2012

**HARI PERTAMA
(12 JUN 2012)**



Perasmian dan pelepasan Konvoi KZ 2012 oleh YDH Orang Besar Jajahan Manjung

MANJUNG



Lawatan ke Pusat Haemodialisis Seri Mutiara, Seri Manjung



Gotong-royong di tanah perkuburan Islam Kg. Talang Batin

**CHANGKAT
CERMIN**



Pertandingan akhir Nasyid bertemakan Zakat Peringkat Daerah Manjung

**HARI KEDUA
(13 JUN 2012)**

PARIT

**SERI
ISKANDAR**



Menziarahi penerima bantuan modal Daerah Seri Iskandar



Program "Eksekutif Talk" Sepetang mengenai zakat bersama Pehkamat Sektor Awam Daerah Batu Gajah

JAULAH ASNAF



Penerimaan bantuan modal dari MAIPK, Encik Rosli b. Khalil yang mengusahakan penternakan burung puyuh sedang memberikan penerangan kepada Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) MAIPK



Forum Perdana di Masjid Daerah Seri Iskandar



KPE MAIPK menyerahkan bantuan wang tunai dan sebuah kerusi roda kepada penerima bantuan



Pihak MAIPK menerima zakat perniagaan daripada Koperasi Guru-Guru Melayu Perak Bhd.

Orang Besar Jajahan Kinta menyerahkan bantuan kepada wakil pelajar ke Mesir

Peserta Konvoi Kembara Zakat 2012 bergambar dengan KPE MAIPK

**HARI KEEMPAT
(16 JUN 2012)**

TAMAN MERU



Masyarakat sekitar kawasan Ulu Kinta, Tg. Rambutan mendengar Ceramah Perdana yang disampaikan oleh Imam Muda Hassan Adli bin Yahya

TANJUNG RAMBUTAN

BATU GAJAH



PSU Zakat menyerahkan sumbangan kepada anak-anak yatim Darul Hikmah, Gopeng

SPG. PULAI



KPE MAIPK sedang berbincang dengan Puan Hidayah yang menerima bantuan modal mengusahakan produk makanan pau



Forum Bicara Hijrah di KTMB Batu Gajah

GOPENG

**HARI KETIGA
(15 JUN 2012)**

KAMPAR

**KG. LALANG
SG. PULAI**



PSU Zakat menyerahkan sumbangan di Pusat Haemodialisis Bestari, Kampar



Pegawai Belia dan Sukan Daerah Kampar menerima cenderahati kenangan daripada pihak MAIPK sempena penganjuran bersama pertandingan Liga Futsal Belia Daerah Kampar



KPE MAIPK menyampaikan hadiah kepada pemenang di Kg. Orang Asli, Kg. Lalang, Spg. Pulai

Berita Sana-Sini.....





KETERANGAN GAMBAR

1. Kursus Peningkatan Kompetensi Penyeliaan MAIPK yang diadakan pada 21 sehingga 23 Mei 2012
2. Ustaz Kazim Elias sedang memberikan pengisian dalam Forum Perdana Hal Ehwal Islam yang dianjurkan bersama oleh MAIPK dan JKKK Tebing Tinggi pada 25 Mei 2012
3. Pehkhidmat MAIPK sedang melayani pertanyaan daripada pelanggan mengenai zakat di Kaunter Pelanggan MAIPK sempena sambutan Hari Denggi Asean 2012 Peringkat Kebangsaan pada 23 Jun 2012
4. Perbincangan mengenai taksiran zakat antara guru-guru Sekolah Kebangsaan Chegar Galah, Kuala Kangsar pada 09 Julai 2012
5. Sebahagian pekhidmat MAIPK mengikuti Bengkel Nota Serah Tugas pada 10 Julai 2012
6. Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif diadakan pada 12 Julai 2012
7. Orang ramai yang hadir dalam Forum Perdana Hal Ehwal Islam anjuran bersama Jawatankuasa Kariah Masjid Ar-Rahmaniah, Felda Lasah, Sg. Siput (U), Pejabat ADUN Kawasan Lintang dan MAIPK pada 12 Julai 2012
8. Peserta mendengar taklimat mengenai pengurusan wakaf dan hartanah daripada En. Saiful Nizam bin Not sempena Bengkel Executive Talk pada 13 Julai 2012
9. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK menerima zakat perniagaan dari KFC Holding (M) Bhd. pada 18 Julai 2012
10. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK menyampaikan ucapan serta merasmikan Seminar Keusahawanan dan Kesedaran Halal Negeri Perak 2012 pada 18 Julai 2012
11. Pertubuhan Peladang Kawasan Gerik menyerahkan zakat perniagaan kepada pihak MAIPK pada 10 Ogos 2012
12. Majlis Penyerahan Bantuan Hari Raya 'Aidilfitri 1433H Daerah Lenggong yang disempurnakan oleh Orang Besar Jajahan Hulu Perak pada 13 Ogos 2012

ANUGERAH DARJAH DAN PINGAT KEPADA ANGGOTA DAN PEKHIDMAT MAIPK

Kuala Kangsar – Sempena dengan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Sultan Perak Darul Ridzuan pada 19 April 2012, D.Y.M.M. Sultan Azlan Muhibbuddin Shah telah berkenan menganugerahkan darjah dan pingat kepada anggota dan pekhidmat MAIPK yang terpilih seperti berikut –

1. **YBhg. Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tuan, Dato' Dr. Muhammad Afifi Al-Akiti**
menerima anugerah Darjah Dato' Paduka Cura Si Manja Kini (DPCM) yang membawa gelaran Dato'.
2. **YDH. Toh Seri Bijaya Dato' Shahrudin bin Haji Nazari, Orang Besar Jajahan Hulu Perak**
menerima anugerah Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) yang membawa gelaran Dato'.
3. **YBhg. Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin, Pengarah Jabatan Agama Islam Perak**
menerima anugerah Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) yang membawa gelaran Dato'.
4. **YBhg. Dato' Haji Muhammad Rivai Batubara, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak**
menerima anugerah Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) yang membawa gelaran Dato'.
5. **YBhg. Dato' (Dr.) Haji Abdul Malek bin Awang Kechil, Pengarah Ketua Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia**
menerima anugerah Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) yang membawa gelaran Dato'.
6. **YDH. DCP Dato' Pahlawan Mohd. Shukri bin Dahlan, Ketua Polis Negeri Perak**
menerima anugerah Darjah Dato' Pahlawan Taming Sari (DPTS).
7. **YBrs. Encik Rohizan bin Omar, Penolong Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan**
menerima anugerah Darjah Ahli Mahkota Perak (AMP).
8. **YBrs. Encik Ariff bin Apandi, Penolong Setiausaha Bahagian Zakat**
menerima Darjah Ahli Mahkota Perak (AMP).
9. **YBrs. Encik Hassan bin Karim, Ketua Pembantu Tadbir (Pentadbiran)**
menerima Pingat Pekerti Terpilih (PPT).
10. **YBrs. Puan Marpu'ah binti Sujak, Pembantu Tadbir (Pentadbiran)**
menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK).
11. **YBrs. Encik Mior Abdul Jamil bin Mior Ahmad, Pembantu Tadbir (Kuala Kangsar)**
menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK).
12. **YBrs. Puan Fazliyatun binti Sulaiman, Pembantu Tadbir (Gerik)**
menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK).

Penyerahan Zakat Perniagaan Pertubuhan Peladang Kawasan Lenggong

Lenggong – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) Daerah Lenggong menerima zakat perniagaan berjumlah RM63,662.45 daripada Pertubuhan Peladang Kawasan Lenggong bagi tahun 2010. Penyerahan zakat ini dilakukan sempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Kawasan Lenggong Kali Ke 34/2012. Majlis penyerahan ini diadakan di Dewan Resort Tasek Raban, Lenggong. Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Lenggong, YBhg. Dato' Omar bin Haji Ismail menyampaikan zakat perniagaan tersebut kepada Pegawai Baitulmal Daerah Lenggong, Encik Zulfadli bin Baharum.

Semoga pembayaran zakat tersebut dapat membersihkan harta perniagaan dan entiti perniagaan terus maju mencapai keuntungan saban tahun kerana keberkatan berzakat. Di samping itu, didoakan juga agar dengan penyerahan zakat perniagaan tersebut mendapat ganjaran pahala berlipat kali ganda di sisi Allah SWT. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Perak, Encik Hamzah bin Bahari.



KEMBANGKAN PRODUKTIVITI, TINGKATKAN PENDAPATAN

Encik Effendy bin Mat Nor memulakan perniagaan dengan membuka kedai di Taman Maju, Seri Iskandar pada 01 April 2011. Pada awal perniagaannya, beliau menjual pakaian sukan dan beg serta perkhidmatan printing pada t-shirt. Perniagaannya kurang mendapat untung kerana tidak banyak perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat. Lantaran itu, beliau ingin mengembangkan perniagaan beliau dengan menyediakan perkhidmatan fotostat dan penjilidan buku. Beliau memohon bantuan modal daripada MAIPK bagi membeli peralatan-peralatan tersebut. Alhamdulillah, MAIPK telah meluluskan bantuan modal sebanyak RM5,000.00 kepada beliau.

Sempena dengan program Kembara Zakat Negeri Perak 2012, penyerahan bantuan ini disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan. Semoga dengan pemberian bantuan ini dapat meningkatkan pendapatan Encik Effendy bin Mat Nor.



JUALAN BURUNG PUYUH JANA PENDAPATAN LUAR BIASA

En Rosli bin Khalil bersama rakan-rakannya yang lain iaitu Encik Mohd. Wazir bin Mohd Tajudin, Encik Roslan bin Yahaya, Encik Nayan bin Mat dan Encik Tan bin Yahaya merupakan penduduk Kampung Changkat Chermin, Ayer Tawar, Perak. Mereka semua berpakat untuk menambah baik pendapatan mereka dengan mengusahakan projek ternakan burung puyuh. Projek ini mendapat bantuan awal daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat berjumlah RM10,000.00. Bantuan yang diterima dapat menyediakan keperluan asas projek ini. Usaha gigih pada peringkat awal mula membuahkan hasil apabila terdapat permintaan yang tinggi terhadap burung puyuh. Namun, mereka semua kekurangan dana untuk membesarkan lagi projek ini.

Alhamdulillah, MAIPK telah meluluskan bantuan modal bagi memajukan lagi projek ini berjumlah RM15,000.00. Dengan bantuan yang diberikan, En. Rosli dan kawan-kawannya dapat menggiatkan lagi usaha memenuhi permintaan masyarakat dan industri terhadap burung puyuh. "Saya dan rakan-rakan mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak MAIPK kerana meluluskan bantuan modal bagi memperbesarkan lagi projek ini. Alhamdulillah, hasil pelaksanaan projek ini banyak menambahkan pendapatan kami," kata En. Rosli sewaktu tinjauan rombongan Kembara Zakat Negeri Perak 2012 terhadap projek tersebut. Semoga En. Rosli dan rakan-rakan terus dikurniakan kekuatan dan semangat untuk terus memajukan projek ternakan burung puyuh.

PRODUK PAU KE PERINGKAT ANTARABANGSA

Puan Hidayah bt. Hitam kehilangan suaminya yang tercinta yang meninggal dunia akibat penyakit buah pinggang pada 26 Julai 2007. Selama tiga tahun Puan Nur Hidayah berulang – alik ke pusat rawatan hemodialisis bagi membantu rawatan penyakit arwah suaminya yang mendapat bantuan hemodialisis dari MAIPK. Berbekalkan iman dan semangat daripada anak-anak, Puan Hidayah terus mengorak langkah memajukan semula perniagaan pau yang hampir ditutup. Segala urusan dilakukannya sendiri. Susah dan senang terpaksa dilaluinya bersendirian demi membesarkan anak-anak. Kata beliau ketika ditemui dalam Program Kembara Zakat Negeri Perak 2012. "Sebenarnya saya hampir berputus asa kerana wang simpanan dan modal pusingan perniagaan pau telah kehabisan untuk merawat penyakit arwah suami. Alhamdulillah, MAIPK memberi bantuan modal sebanyak RM5,000.00 untuk membantu saya meneruskan perniagaan pau peninggalan arwah suami saya dahulu. Kini perniagaan pau saya mampu memberikan hasil yang lumayan dan boleh berpendapatan sekitar RM7,000 hingga RM8,000.00 sebulan."

Menurut Puan Hidayah lagi, beliau kini terpaksa mengambil pekerja seramai 4 orang bagi membantu menyediakan bekalan pau untuk memenuhi permintaan orang ramai. Oleh kerana mendapat sambutan yang amat menggalakkan,



Puan Hidayah sedang bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita untuk memasarkan produknya sehingga ke luar negeri. Puan Hidayah amat berterima kasih kepada MAIPK di atas bantuan yang diberikan. Harapan beliau agar suatu hari nanti beliau dapat mengeluarkan zakat serta bekerjasama dengan MAIPK bagi membantu asnaf-asnaf lain memiliki kejayaan sepertinya.

Hotel Warisan Taiping mula dibuka

Taiping – Pada 10 Mei 2012, satu majlis Penyerahan Kunci Bangunan Hotel Wakaf di Hotel Warisan, Taiping telah berlangsung dengan jayanya. Hotel wakaf ini dijenamakan sebagai Hotel Warisan, Taiping. Majlis yang bermula pada jam 2.30 petang dihadiri oleh Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), YBhg. Dato' Haji Anan bin C. Mohd, Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Perak, YBhg. Dato' Ir. Dr. Safray

Kamal bin Haji Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan. Majlis tersebut diserikan lagi dengan ketibaan Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri, YBhg. Datuk Othman bin Haji Mahmood.

Majlis ini diteruskan dengan ucapan daripada Pengarah JKR Negeri Perak disusuli dengan ucapan daripada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK dan Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri. Selepas itu, diadakan majlis menandatangani dokumen penyerahan projek hotel tersebut. Bangunan hotel ini merupakan projek kerjasama di antara JAWHAR dengan MAIPK. Peruntukan berjumlah RM19 juta disalurkan melalui JAWHAR bagi membina hotel empat tingkat ini yang mempunyai 45 bilik penginapan, bilik mesyuarat, bilik seminar dan dewan banquet yang boleh disewakan kepada orang ramai. Jabatan Kerja Raya Negeri Perak dilantik sebagai kontraktor pembinaan hotel ini.



PEMAIN MAIPK BOLOT EMPAT HADIAH

Ipoh – Skuad bowling Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) berjaya membawa pulang empat hadiah daripada sembilan hadiah yang disediakan dalam pertandingan bowling persahabatan yang dianjurkan oleh pihak Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB). Pertandingan ini melibatkan pihak MAIPK, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak, Pejabat Kewangan Negeri Perak dan PNMB. Pertandingan ini diadakan pada 16 Julai 2012 di Ampang Superbowl, Ipoh.

Setiap pihak menghantar 10 pemain bagi bertanding dalam kategori VIP, kategori terbuka, pemain bowling terbaik dan juara keseluruhan. Skuad bowling MAIPK yang diketuai oleh Encik Ahmad Nazim bin Md. Tajuri bermain dengan baik dan menarik dalam tiga set. Sebahagian besar pemain menjatuhkan banyak pin, namun ada juga bola yang dilontar oleh pemain masuk longkang. Kategori VIP menjadi tumpuan dalam pertandingan persahabatan ini kerana dapat melihat kemahiran bermain ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan.

Pihak MAIPK berjaya memenangi tempat kedua iaitu Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan dan memenangi tempat ketiga iaitu Ustaz Bakri bin Lee bagi kategori VIP. Bagi kategori terbuka, pihak MAIPK berjaya memenangi tempat kedua melalui En.

Shamsulrizal bin Yahya dan seterusnya dinobatkan sebagai pemain terbaik keseluruhan. Walau bagaimanapun, pihak MAIPK tidak berjaya mendapat tempat juara keseluruhan yang dimenangi oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak. Diharap dengan penganjuran pertandingan ini dapat mengeratkan lagi silaturrahim antara semua pihak.



ZAKAT TERNAKAN

(Sambungan daripada keluaran lalu)

JADUAL KIRAAN ZAKAT LEMBU / KERBAU

KADAR NISAB	KADAR ZAKAT		
BIL. EKOR	BILANGAN	JANTINA	UMUR
30 – 39	1 ekor	Jantan	1 tahun lebih
40 – 49	1 ekor	Betina	2 tahun lebih
60 – 69	2 ekor	Jantan	1 tahun lebih
70 – 79	1 dan 1 ekor	Jantan Betina	1 tahun lebih 2 tahun lebih
80 – 89	2 ekor	Betina	2 tahun lebih
90 – 99	3 ekor	Jantan	1 tahun lebih
100 – 109	2 dan 1 ekor	Jantan	1 tahun lebih
110 – 119	2 ekor	Betina Jantan	2 tahun lebih 1 tahun lebih
120 keatas	3 dan 4 ekor	Betina Jantan	2 tahun lebih 1 tahun lebih

PANDUAN

- Apabila bilangan itu lebih daripada yang dinyatakan di atas, maka bagi setiap 30 ekor lembu diwajibkan zakat 1 ekor anak lembu jantan yang berumur 1 tahun. Bagi setiap 40 ekor lembu, diwajibkan zakat 1 ekor anak lembu betina yang berumur 2 tahun.
- Tetapi jika ternakan yang bercampur (lembu dan kerbau), maka zakatnya terserah kepada pembayar sama ada boleh memberi lembu / kerbau yang lain atau daripada peliharaan itu. Pilihlah yang sederhana untuk mengeluarkan zakat.



JADUAL KIRAAN ZAKAT KAMBING / BIRI-BIRI

KADAR NISAB	KADAR ZAKAT		
BIL. EKOR	BILANGAN	JANTINA	UMUR
40 - 120	1 ekor biri – biri	Jantan / Betina	1 tahun
	atau 1 ekor kambing	Jantan / Betina	2 tahun
121 - 200	2 ekor biri-biri	Jantan / Betina	1 Tahun
	atau 2 ekor kambing	Jantan / Betina	2 Tahun
201 - 399	3 ekor biri-biri	Jantan / Betina	1 Tahun
	atau 3 ekor kambing	Jantan / Betina	2 Tahun
Penambahan seterusnya : tiap-tiap 100 ekor	1 ekor biri-biri	Jantan / Betina	2 Tahun
	atau 1 ekor kambing	Jantan / Betina	2 Tahun

PANDUAN

- Setiap pertambahan 100 ekor, zakatnya ditambah 1 ekor kambing 2 tahun.
- Jika semua kambing sampai nisab itu jantan, maka harus dikeluarkan yang jantan sebagai zakat, tetapi apabila ada antaranya yang betina, hendaklah sebahagian dari zakat yang dikeluarkan itu betina.
- Jika bercampur kambing dan biri-biri serta beberapa jenisnya, maka apabila cukup nisab bolehlah dikeluarkan zakat mengikut pilihan tuannya sama ada kambing atau biri-biri.



PIAGAM PELANGGAN

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Piagam pelanggan ialah suatu komitmen bertulis suatu jabatan terhadap penyampaian keluaran atau perkhidmatannya. Ia merupakan jaminan suatu jabatan untuk menyampaikan keluaran atau perkhidmatan mengikut standard kualiti yang ditetapkan bagi memenuhi kemahuan dan citarasa pelanggan. Piagam pelanggan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak adalah seperti berikut –

1. Memastikan penyata pembayaran Potongan Zakat Berjadual (PZB) dikeluarkan kepada pembayar zakat tidak lewat daripada 31 Mac setiap tahun.
2. Menyelesaikan semua urusan pembayaran perbekalan dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh tuntutan yang lengkap diterima.
3. Mengeluarkan resit dengan serta merta setelah menerima semua bayaran hasil di kaunter.
4. Memastikan urusan pelanggan di kaunter pada tahap amat baik dan cemerlang melebihi 80% mengikut pengukuran smiley box.
5. Memberi maklum balas terhadap semua aduan pelanggan dalam tempoh tujuh hari bekerja.
6. Memberi keputusan urusan jual beli tanah baitulmal di bawah 40 pole (1/4 ekar) dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima.
7. Mengemukakan permohonan mewakafkan tanah yang lengkap ke Pejabat Daerah dan Tanah dalam tempoh tiga puluh hari (30) hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima.
8. Memberi kelulusan memungut derma di Negeri Perak dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh permohonan lengkap diterima.
9. Memaklumkan permohonan yang lengkap mengenai sewaan/ pajakan tanah dan bangunan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja.
10. Memberi maklum balas undangan taklimat zakat dalam tempoh tiga (3) hari bekerja daripada tarikh undangan diterima.
11. Memproses permohonan taksiran zakat perniagaan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima.
12. Memproses permohonan Bantuan Am Pelajaran dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima.
13. Memproses permohonan Bantuan Kecemasan di kaunter dalam tempoh tiga puluh (30) minit.

Pengukuran Tahap Kepuasan Pelanggan (SMILEY BOX) MAIPK

Mulai bulan Januari sehingga bulan Ogos 2012, MAIPK dapat markah melebihi 80 peratus bagi layanan tahap cemerlang dan amat baik daripada markah keseluruhan. Berikut merupakan analisa Tahap Kepuasan Pelanggan (Smiley Box) MAIPK bagi bulan Januari sehingga Ogos tahun 2012.

BIL.	PERKARA	IBU PEJABAT		DAERAH		KESELURUHAN	
		JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%
1.	Cemerlang	6,845	89.87	10,002	62.26	16,847	71.14
2.	Amat Baik	585	7.68	4,723	29.40	5,308	22.41
3.	Memuaskan	160	2.10	1,266	7.88	1,426	6.02
4.	Tidak Memuaskan	26	0.35	73	0.46	99	0.43
5.	Bilangan Pelanggan	7,616	100.00	1,131	100.00	23,680	100.00



57 PEKHIDMAT MAIPK SERTAI INDUKSI KHUSUS

Selangor – Seramai 57 pekhidmat MAIPk yang baru dilantik telah mengikuti Kursus Induksi Khusus bermula 17 Jun 2012 sehingga 21 Jun 2012. Kursus ini diadakan di Nur Lembah Pangsun, Hulu Langat, Selangor. Peserta kursus ini terdiri daripada Pegawai N41, Penolong Pegawai N27, Pembantu Tadbir N17, Pembantu Akauntan W17, Juruteknik J17, Pemandu R3 dan Pembantu Am Pejabat N1.

Kursus tersebut merupakan kursus wajib yang diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pekhidmat MAIPk tentang matlamat dan dasar MAIPk, sistem pentadbiran dan prosedur utama serta arahan-arahan perkhidmatan dan pekeliling kerajaan. Di samping itu, penganjuran kursus ini dapat membantu pekhidma-pekhidmat MAIPk yang baru dilantik menyesuaikan dan menerapkan diri dengan suasana dan budaya kerja di MAIPk. Mereka juga dapat

meningkatkan pengetahuan tentang jawatan yang baru disandang. Pelbagai bentuk pengisian diterapkan ke dalam kursus ini seperti aspek perbincangan kumpulan, kuliah, pengisian rohani dan aktiviti fizikal.

Ucapan perasmian penutup kursus tersebut telah disempurnakan oleh En. Rohizan bin Haji Omar, Penolong Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan MAIPk. Dalam ucapan tersebut, beliau meminta agar pekhidmat-pekhidmat MAIPk yang baru dilantik dapat menghayati setiap kandungan pengisian dan menjadikannya sebagai panduan dalam menjalankan tugas seharian. Selain itu, seluruh pekhidmat MAIPk yang baru membentuk satu pasukan kerja yang mantap bersama pekhidmat MAIPk yang sedia ada bagi menjalankan tugas dan amanah dengan penuh kesungguhan dan komitmen tinggi bagi meningkatkan lagi pencapaian dan prestasi MAIPk kepada masyarakat.

Program Amal Dengan Kerjasama Econsave

Taiping – Pada 12 Ogos 2012 yang lalu telah diadakan satu program iaitu Program Amal Hari Raya 'Aidilfitri 2012 di Econsave Cawangan Kamunting, Taiping. Program ini bermula pada pukul 2.00 petang sehingga 4.30 petang. Program ini telah dihadiri seramai 64 peserta yang melibatkan 29 orang penerima bantuan baitulmal terpilih sekitar kawasan Kamunting. Program ini merupakan salah satu acara tahunan Econsave dengan kerjasama daripada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) Daerah Taiping. Pengurus Operasi Kawasan Utara Econsave, Lim Wet Khung menyatakan bahawa, majlis ini merupakan kali ketiga dianjurkan oleh pihak mereka sejak tahun 2010. Program amal ini dianjurkan sebagai salah satu program tanggungjawab sosial korporat Econsave bagi membantu sebahagian masyarakat yang kurang berkemampuan bagi menyambut hari raya 'Aidilfitri dengan penuh kegembiraan.

Program ini dimulakan dengan pendaftaran peserta dan diteruskan dengan penerangan agenda program oleh Ketua Bahagian Econsave Kamunting, Encik M. Shahazudin Manaf. Seterusnya bacaan doa telah dibacakan oleh Penolong Pegawai Baitulmal Daerah Taiping, Encik Abdul Hadi bin Abu Saed. Kemuncak kepada program ialah para peserta terlibat diberikan troli setiap seorang dan diberi pilihan untuk memilih barangan keperluan di Econsave yang bernilai tidak melebihi RM200.00. Program ini berakhir dengan sesi bergambar pihak pengurusan Econsave bersama-sama peserta sebagai tanda kenangan. Syabas diucapkan kepada Econsave Kamunting kerana menganjurkan program ini. Semoga program ini dapat diteruskan pada masa hadapan dan dicontohi oleh syarikat korporat yang lain.



Pencapaian Kutipan & Agihan Zakat Negeri Perak

Bagi bulan Januari hingga Ogos 2012

KUTIPAN ZAKAT	JENIS ZAKAT	2011	2012
	ZAKAT HARTA	25,496,553.61	31,216,377.66
	FITRAH	7,823,705.00	7,935,837.00
	PERNIAGAAN	27,758,686.36	22,367,626.03
	TANAMAN	1,475,740.82	1,786,712.12
	JUMLAH	62,554,685.79	63,515,706.81

Pertambahan sebanyak 1.54% dari tahun 2011

BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT MENGIKUT DAERAH	DAERAH	2011	2012
	BAGAN SERAI	771	953
	BATU GAJAH	604	778
	GERIK	421	482
	IPOH	19681	22301
	KAMPAR	181	322
	KAMPUNG GAJAH	801	980
	KUALA KANGSAR	1239	1420
	LENGGONG	213	196
	MANJUNG	1530	1748
	PARIT BUNTAR	760	1056
	PENKALAN HULU	116	136
	SELAMA	228	229
	SERI ISKANDAR	980	1016
	SLIM RIVER	490	641
	TAIPING	1444	2060
	TAPAH	832	1037
TELUK INTAN	1237	1650	
JUMLAH	31,528	33,846	

Pertambahan sebanyak 7.35% dari tahun 2011

AGIHAN ZAKAT	ASNAF	2011	2012
	FAKIR DAN MISKIN	28,178,771.51	27,684,177.23
	MUALLAF	1,351,341.64	2,406,522.87
	GHORIMIN	471,318.10	224,161.67
	IBNU SABIL	619,122.85	140,585.90
	FISABILILLAH	11,673,329.72	12,499,892.97
	JUMLAH	42,293,883.82	42,955,340.64